

**TEKS UCAPAN YANG BERHORMAT
DATO SERI SETIA DR. AWANG HAJI MAT SUNY BIN HAJI MD.
HUSSEIN
MENTERI TENAGA (TENAGA DAN TENAGA MANUSIA) DAN
PERINDUSTRIAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN BRUNEI MSME FESTIVAL 2019
28 MAC 2019**

BRIDEX HALL, JERUDONG

Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahirobbil Alamin.
Wassalatu Wassalamu Ala Asrofil Mursalin, Sayyidina Muhamadin Wa Alihi Wasohbihi Ajamain.

Yang Mulia Timbalan-Timbalan Menteri,

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara,

Yang Mulia Setiausaha-Setiausaha Tetap,

Yang Mulia Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap,

Yang Mulia Javed Ahmed, Ketua Pegawai Eksekutif Darussalam Enterprise,

Pegawai – Pegawai Kanan Kerajaan,

Ahli-ahli peniaga dan para hadirin sekalian.

1. Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmatNya juga kita dapat berkumpul bersama-sama pada pagi ini di Majlis Pelancaran Pesta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana Negara Brunei Darussalam Tahun 2019 (*Brunei MSME Festival 2019*).

2. Setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Darussalam Enterprise di atas inisiatif ini untuk menterampikan PMKS tempatan serta produk dan perkhidmatan masing-masing. Ianya juga menjadi batu loncatan yang

baik bagi para pengusaha untuk mempromosi dan mempamerkan produk-produk kepada golongan sasaran, sambil merupakan peluang untuk memperluaskan pasaran dan rakan kongsi ke peringkat yang lebih tinggi di negara maupun di peringkat antarabangsa.

3. Setakat tahun 2015, PMKS merangkumi **sembilan puluh enam peratus** (96%) daripada jumlah **lima ribu tiga ratus empat puluh dua** (5,342) buah perusahaan tempatan, menurut laporan awal Banci Ekonomi Perusahaan atau Perniagaan Tahun 2016, dan turut menyumbang **dalam lingkungan tiga puluh lima peratus** (35%) daripada hasil keseluruhan yang dijana oleh perusahaan-perusahaan tempatan. Di samping itu, perusahaan-perusahaan tempatan menjadi majikan penting dengan pengambilan dalam sekitar **seratus lima belas ribu** (115,000) orang pekerja secara keseluruhan. Maka, PMKS mampu menjadi pemberangsang kepada pertumbuhan ekonomi serta pembuka peluang-peluang pekerjaan baru.
4. Kita telah memasuki era global yang membawa cabaran-cabaran dan peluang-peluang baru. Kedayaatahanan perusahaan-perusahaan pada jangka panjang ini adalah bersandarkan kepada kemampuan untuk menembusi pasaran luar negeri dan juga daya inovasi masing-masing.
5. Oleh itu, dalam hal ehwal perusahaan tempatan dan juga keusahawanan, peramba/kaola/saya ingin menyeru semua pihak berkenaan termasuk pihak Darussalam Enterprise, agensi-agensi berkepentingan, perusahaan-perusahaan tempatan dan juga ahli-ahli komuniti perniagaan tempatan, untuk mengimbas kembali kepada Titah Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

6. Pertama, Baginda telah bertitah sempena Persidangan Khas pada 7 haribulan Februari 2018 agar kaedah-kaedah untuk meningkatkan hasil daripada pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana perlu diperbaiki lagi. Di samping galakan berupa promosi, pengusaha-pengusaha juga sangat perlu dibantu untuk memperkembangkan mereka. Bantuan lebih mustahak di sana ialah berupa bimbingan dan tunjuk ajar bagaimana memulakan dan kemudian menjalankan perusahaan itu sehingga berjaya. Ini mustahak kerana bukan semua pengusaha memiliki ilmu keusahawanan. Inisiatif-inisiatif yang ada pada masa ini perlu dipertingkatkan lagi.
7. Sepertimana yang sedia maklum, tujuan badan Darussalam Enterprise adalah bagi mendokong dan memacu pertumbuhan PMKS semata-mata. Ia merupakan tugas dan tanggungjawab mereka untuk memastikan semua PMKS yang ikut serta pada hari ini dan juga yang tidak berkesempatan untuk mengikut serta terus diberi bimbingan dan dikenalpasti jalan untuk menjayakan perniagaan masing-masing sehingga berkeupayaan untuk memperluaskan jaringan tempatan dan luar negeri sambil meningkatkan kedayatahanan masing-masing juga. Di samping menjalankan program-program yang diutarakan tadi oleh Yang Mulia Ketua Pegawai Eksekutif Darussalam Enterprise tadi, Darussalam Enterprise perlu menjadi lebih prihatin terhadap keperluan PMKS tempatan dan menyesuaikan rancangan dan latihan-latihan kepadanya.

8. Kedua, sepertimana jua yang ditekankan di dalam Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-15 Majlis Mesyuarat Negara baru-baru ini, perusahaan tempatan juga diseru bagi menaiktaraf kualiti produk agar lebih berdaya saing pada meraih peluang-peluang dari perdagangan tanpa sempadan.
9. Kita perlu berorientasi eksport dan global dalam menjalankan urusan-urusan perniagaan. Pengeksportan dari sektor bukan minyak dan gas setakat tahun 2013 hanya menyumbang kira-kira 3 peratus (3%) daripada jumlah hasil daripada eksport Negara Brunei Darussalam.
10. Pada masa yang sama, para peniaga adalah digalakkan untuk tidak segan-segan merebut peluang-peluang dan khidmat dokongan yang ditawarkan oleh pihak Kerajaan, pihak Darussalam Enterprise dan juga diantara satu sama lainnya. Sepertimana yang disampaikan tadi, terdapat lebih daripada 5,000 PMKS tempatan yang mencorak lanskap perniagaan negara kita pada hari ini.
11. Adalah diharapkan para PMKS akan saling membantu di antara satu sama lain sebagai ahli-ahli komuniti perniagaan tempatan supaya bersama-sama meningkatkan martabat dan sumbangan PMKS kepada negara. Terdapat pelbagai barang dan perkhidmatan tempatan yang unik dan setentunya, dipromosikan kepada pasaran sasaran yang tepat, akan dapat dimajukan sebagai produk dan perkhidmatan *niche* yang belum terdapat di mana-mana.

12. Marilah kita sama-sama berganding bahu untuk menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Para PMKS mempunyai peluang untuk sama-sama menubuhkan konsortium atau badan agregat untuk meningkatkan kapasiti, sumber tenaga dan sama-sama mengambil inisiatif untuk menembusi pasaran eksport.
13. Dalam pada itu, pihak Darussalam Enterprise dan juga para peniaga tempatan adalah diharapkan untuk bergerak secara *whole of nation* bagi menjayakan sektor perekonomian tumpuan negara, iaitu sektor hiliran minyak dan gas, sektor permakanan, sektor pelancongan, sektor perkhidmatan, dan sektor teknologi infokomunikasi atau ICT serta sektor pengeluaran atau *manufacturing*. Setakat tahun 2015, jumlah perusahaan yang berkecimpung dalam sektor-sektor ini masih di paras yang rendah. Darussalam Enterprise turut digalakkan untuk memastikan bimbingan dan perkhidmatan diberikan juga merangkumi dokongan untuk menembusi bidang-bidang ini.
14. Pihak Kerajaan akan terus bersedaya upaya untuk menyediakan iklim perniagaan yang kondusif bagi perkembangan perniagaan tempatan, termasuk PMKS dan penyelesaian isu yang dihadapi para peniaga dalam menjalankan hal ehwal perniagaan sehari-hari.

Para Hadirin dan Hadirat sekalian,

15. Dengan ini, peramba/kaola/saya berharap platform ini akan membuka peluang baru kepada perusahaan-perusahaan masing-masing. Dalam urusan perniagaan ini kita juga perlu mengingati nilai-nilai

murni ajaran Islam, termasuk kepentingan menjaga kebersihan dan kesucian serta integriti. Nilai-nilai ini harus diterapkan sebagai satu *best practice* yang jelas dan insyaAllah ianya turut akan mengunggulkan nama dan reputasi produk-produk dan perkhidmatan tempatan kitani.

16. Dalam kesempatan ini juga, peramba/kaola/saya dengan tulus ikhlas ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam memberikan apa jua sumbangan dalam bersama-sama mengungkayahkan dan menjayakan Majlis ini terutama kepada jawatankuasa yang terdiri daripada kakitangan Darussalam Enterprise.
17. Dengan berkat Kalimah Bismillahir rahmanirrahim, selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, peramba/kaola/saya dengan sukacita merasmikan **Pesta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana Negara Brunei Darussalam bagi Tahun 2019 (Brunei MSME Festival 2019)**.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah,
Assalamualaikum Warahamatullahi Wabarakatuh.